

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB


LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 51)

21 NOV 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 21.11.2016

SOALAN :

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) Mengapakah hingga ke hari ini kuarters guru di Taman Semarak di Sungai Petani masih terbiar dan tidak digunakan oleh kerajaan; dan
- (b) Adakah kerajaan berhasrat untuk menjual kesemua unit-unit ini kepada orang awam atau pihak swasta agar kerajaan mendapat pulangan dari penjualan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menghebahkan maklumat mengenai Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) termasuklah KIP di Sungai Petani, Kedah yang tidak digunakan kepada agensi kerajaan dan pihak swasta yang berminat. Sungguhpun begitu, kebiasaannya permohonan penggunaan KIP tersebut oleh agensi Kerajaan atau pun pihak swasta bergantung kepada kedudukan dan kesesuaian lokasi KIP itu sendiri. Selain daripada itu, KPM juga meneliti

sekiranya terdapat keperluan untuk tukar guna fungsi KIP kepada Pusat Kecemerlangan Sukan dan sebagainya sekiranya terdapat keperluan.

RJM66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina sebuah Hospital yang serba lengkap di kawasan Bandar Baharu memandangkan kepadatan penduduk yang semakin meningkat. Apakah langkah-langkah diambil oleh Kerajaan jika tiada perancangan pembinaan hospital di kawasan Bandar Baharu bagi memastikan penduduk di sini dan sekitarnya dapat menikmati kemudahan kesihatan yang lebih baik dan canggih dari segi wad, peralatan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini masih belum ada perancangan dalam RMK11 untuk membina Hospital Bandar Baharu memandangkan populasi yang masih rendah (<50,000 penduduk) dan telah terdapat empat (4) hospital yang berdekatan dengan jarak masing-masing antara 20-50km dengan hubungan jalanraya yang baik. Kemudahan kesihatan awam di daerah tersebut termasuk tiga (3) Klinik Kesihatan, dua belas (12) Klinik Desa dan dua (2) Klinik Pergigian .

Keperluan pembinaan hospital tersebut akan dikaji dari masa ke masa berdasarkan faktor-faktor seperti pertumbuhan penduduk, isu kesihatan setempat, pertambahan anggota kesihatan dan keteserdiaan peruntukan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, di Klinik Kesihatan Serdang, Kedah sudah tersedia sebuah Pusat Bersalin Alternatif (*Alternative Birthing Center, ABC*) untuk kemudahan penduduk setempat yang berada 22 kilometer (25 minit) dari Bandar Baharu. Namun begitu sebagai langkah interim, bagi memastikan penduduk di kawasan Bandar Baharu dapat menikmati kemudahan kesihatan yang lebih baik, permohonan akan dibuat untuk membangunkan sebuah Kompleks Bersalin Alternatif (*Alternative Birthing Complex*) yang lebih komprehensif dengan kemudahan yang serba lengkap di Klinik Kesihatan Bandar Baharu, Kedah di dalam RP3, RMK 11. Kemudahan ini boleh menguruskan kes bersalin berisiko rendah manakala kes-kes yang memerlukan rawatan hospital akan dirujuk ke Hospital Pakar berdekatan.